

**SOALAN NO. 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH : 16 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan (pengawasan) yang diambil oleh Kerajaan dalam pemberian pingat anugerah persekutuan dan negeri yang kebelakangan ini boleh dikatakan terlalu banyak. Jelaskan 'screening process' yang diguna-pakai oleh kerajaan persekutuan mahupun negeri (sebelum diputuskan oleh ketua negara/negeri) dalam pemberian anugerah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP) akan melalui beberapa peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pemilihan DKBPP. Pemilihan pencalonan yang layak diperakukan adalah berdasarkan syarat-syarat asas pencalonan yang telah digunakan sebagai garis panduan pemilihan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pemilihan DKBPP. Di antara syarat asas pencalonan DKBPP adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i. sumbangan cemerlang individu kepada Negara dalam apa jua lapangan selama beberapa waktu. Individu juga hendaklah merupakan seorang yang terkenal dan berkedudukan yang tinggi serta berpengaruh;
- ii. kewibawaan individu dan telah memberi sumbangan yang amat bermakna di dalam sesuatu jabatan atau agensi dan mempunyai sahsiah serta peribadi yang unggul; dan
- iii. sumbangan individu yang signifikan dan memberi impak dalam sesuatu bidang di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang membawa manfaat kepada Negara, bangsa dan agama.

Semua pencalonan DKBPP ini seterusnya akan melalui tapisan keselamatan dan keutuhan yang dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Hanya calon yang lulus bagi semua tapisan sahaja akan diperakukan oleh Kerajaan untuk pengurniaan DKBPP. Perakuan Kerajaan ini seterusnya diangkat untuk perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bagi pengurniaan di peringkat negeri pula, semua pencalonan juga akan melalui peringkat Mesyuarat Jawatankuasa masing-masing dan seterusnya diangkat untuk perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja / Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri. Penganugerahan sesuatu Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri adalah tertakluk kepada penetapan syarat-syarat yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan dan limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja / Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

Sekian, terima kasih.